

21/11/1998

MFDC perlu RM5j untuk biayai program latihan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pusat Reka Bentuk Perabot Malaysia (MFDC) memerlukan geran RM5 juta bagi melaksanakan pelbagai program terutama latihan kemahiran bagi pereka perabot tempatan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata geran itu penting dalam usaha MFDC melahirkan lebih ramai pencipta serta pereka perabot yang berwibawa di negara ini.

"Saya akan mengemukakan sekali lagi permohonan ini dalam mesyuarat Kabinet minggu depan, tetapi sekiranya tidak diperolehi saya akan mendapatkannya daripada sumber lain," katanya pada sidang akhbar selepas perasmian MFDC oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, beliau berkata, MFDC sudah menghantar kertas cadangan berkenaan kepada kerajaan.

"Kami memerlukan sumbangan itu untuk memulakan pelbagai kursus kemahiran dan selepas mula menerima royalti daripada reka bentuk yang dihasilkan, semua pembiayaan kursus boleh diuruskan sendiri oleh MFDC," katanya.

MFDC ditubuhkan secara kerjasama antara Majlis Kayu Kayan Malaysia (MTC) dan Majlis Industri Perabot Malaysia (MFIC).

Pusat ini akan dibiayai sendiri oleh syarikat usahasama berkenaan yang menawarkan pelbagai kemudahan terutama ruang pameran tetap.

Dr Lim berkata, pembeli dan pengimport dari negara asing tidak lagi perlu ke kilang yang berselerak di seluruh negara, sebaliknya hanya perlu ke MFDC untuk melihat reka bentuk perabot Malaysia yang inovatif dan terkini.

"Mereka juga boleh membuat pilihan melalui katalog serta rangkaian yang disediakan dan berhubung terus dengan pengusaha perabot tempatan untuk membuat tempahan," katanya.

Menurutnya, perabot yang dipamerkan di MFDC akan diganti setiap tiga bulan dan keutamaan akan diberi kepada kecemerlangan dalam reka bentuk serta keupayaan pengeluaran oleh syarikat perabot.

"Saya yakin dengan adanya pusat ini, kita boleh melonjakkan pendapatan eksport daripada industri ini kepada RM7 bilion menjelang tahun 2005," katanya.

Dr Lim berharap kewujudan MFDC bukan sekadar dapat meningkatkan daya saing perabot negara, bahkan dapat menghasilkan satu reka bentuk 'nasional' yang unik, iaitu rekaan yang melambangkan ciri kebudayaan negara ini.

Beliau berkata, industri perabot mencatat prestasi memberangsangkan dalam tempoh 10 tahun ini dengan peningkatan 17 peratus setahun. Tanpa mengambil kira keadaan yang tidak dijangka, Malaysia berharap dapat mencatat pendapatan eskport RM4 bilion tahun ini.

Menurutnya, walaupun menghadapi kegawatan ekonomi, pengeluar tempatan berjaya menangani pelbagai masalah seperti kenaikan kos pengangkutan dan halangan bukan tarif membabitkan kempen terhadap penggunaan kayu tropika yang menghalang kemasukan produk kayu dan perabot terutama ke pasaran Eropah.

"Produk kayu dan perabot mendapat manfaat daripada penurunan nilai ringgit, yang menjadikan produk terbabit lebih berdaya saing di pasaran asing.

"Ketika ini pekilang Malaysia menerima tempahan tambahan dari negara pengimport terutama Amerika, Jepun dan Eropah," katanya.

( END )